

Antesedan Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Institusi Pengajian Tinggi

Che Su Mustaffa, Nuredayu Omar & Munif Zarrirudin Fikri Nordin

Universiti Utara Malaysia

Antecedent of Emotional Quotient, Spiritual Quotient, and Emotional Spiritual Quotient (ESQ) among Boarding Schools and Higher Learning Institutions Students

Abstract

Emotional and spiritual quotient plays a principal role in life especially among students which enables them to overcome challenges in their life. This research was conducted in order to answer the question, "To what extent does family communication and institutional communication relate with students' emotional and spiritual quotients?" A quantitative design was employed to examine different variables in those relationships among students. Augustian's Emotional Spiritual Quotient Instrument (2001), and Ritchie and Fitzpatrick's Family Communication and Institutional Communication Instrument (1990) were adapted and employed in this study. A total of 404 participants from Malaysian Higher Learning Institutions (IPT) and 699 respondents from Malaysian Boarding Schools (SBP) participated in this research. Questionnaires were distributed to gather the data and were analysed using mean score, correlation, t-test, and One-Way ANOVA through SPSS version 11.0. The research findings indicated that the emotional and spiritual quotient level. The differences in term of emotional and spiritual quotient found among these student groups were gender among SBP students, and age among IPT students.

Keywords: Emotional Spiritual Quotient (ESQ), Family Communication, Institution Communication

PENGENALAN

Prestasi akademik seseorang pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kecerdasan intelek, kecerdasan emosi, persekitaran, peranan ibubapa, komunikasi keluarga, hubungan dengan pensyarah dan sebagainya. Kecerdasan emosi dan spiritual (ESQ) dapat membantu para pelajar mempunyai prestasi yang memuaskan dari segi akademik serta menangani permasalahan-permasalahan lain yang timbul dalam konteks kehidupan mereka seharian. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui apakah komunikasi keluarga dan komunikasi institusi berperanan selaku antededan kepada ESQ seseorang pelajar. Salah satu dari punca perkara ini adalah kerana corak komunikasi yang diamalkan oleh sesebuah keluarga turut mendatangkan pelbagai implikasi terhadap anak-anak. Begitu juga dengan corak komunikasi yang diamalkan oleh sesebuah institusi (Monthienvichienchi, Bhilbulbhanuwat, Kasemsuk & Speece, 2002). Hubungan antara pembolehubah ESQ, komunikasi keluarga dan komunikasi institusi ini penting dikaji kerana dapat memberikan gambaran secara langsung kepada kita tentang kepentingan polar-polar komunikasi dalam kehidupan seseorang serta implikasinya. Selain dari itu, dapatan kajian ini juga dapat memberikan sumbangan dari segi penambahan kajian-kajian berkaitan dengan komunikasi dan ESQ serta juga aspek-aspek teoretikal berkaitan dengan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah ini dalam konteks masyarakat di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kecerdasan spiritual (SQ) merupakan satu penemuan baru secara ilmiah buat pertama kali oleh Zohar dan Marshall (2000). Hasil tinjauan di Amerika Syarikat pada tahun 1918 tentang kecerdasan intelek (IQ) ternyata menghasilkan sebuah paradoks yang membahayakan di mana skor IQ kanak-kanak semakin baik dan kecerdasan emosi semakin menyusut (Agustian, 2001). Kebimbangan yang timbul ialah apabila hasil tinjauan menunjukkan bahawa anak-anak generasi sekarang lebih banyak menghadapi masalah emosi berbanding generasi terdahulu. Secara purata anak-anak generasi sekarang ini mengalami kesepian, tekanan, lebih cepat marah, lebih sukar dididik, lebih gugup, lebih cepat cemas dan agresif. Kajian yang dilakukan oleh Najib dan rakan-rakan (2003) tentang tahap EQ dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia menunjukkan secara umum, tahap EQ responden berada dalam kategori yang tidak memuaskan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap EQ perlu dipertingkatkan kerana EQ mempunyai hubungan dengan kompetensi-kompetensi yang lain. Kompetensi-kompetensi yang berhubungan secara signifikan dengan EQ ialah kompetensi berkomunikasi, kompetensi berbahasa Inggeris dan kompetensi teknologi maklumat.

Goleman (1995) berpendapat bahawa kualiti kecerdasan emosi (EQ) sangat berbeza dengan IQ. IQ umumnya tidak berubah dan kecerdasan dapat dipelajari dengan mudah sahaja. Sama ada individu berkenaan peka atau tidak, pemalu, pemaarah atau sukar bergaul dengan orang lain sekalipun dengan motivasi dan usaha yang benar, kita dapat mempelajari dan menguasai kecerdasan emosi tersebut. Namun begitu, keseimbangan antara IQ dan EQ harus wujud. Perkara ini ditambah lagi dengan penemuan terkini berkaitan dengan SQ iaitu kecerdasan spiritual yang harus wujud dalam diri individu.

Zohar dan Mashall (2000) menyatakan kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value*, iaitu kecerdasan untuk menempatkan perilaku dan hidup kita dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan hidup seseorang lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain. SQ adalah landasan yang diperlukan untuk menfungsikan IQ dan EQ secara efektif. SQ merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian. Persoalan yang timbul di sini ialah apakah faktor-faktor yang bertindak selaku antededan kepada ESQ. Dalam konteks kajian ini, dua antededan yang dikaji ialah polar komunikasi sesebuah keluarga dan polar komunikasi institusi.

Kajian-kajian bidang komunikasi dalam tempoh 25 tahun kebelakangan ini telah mengenalpasti model dan konstruk yang boleh menerangkan tentang komunikasi ibu bapa dan

anak. Sistem kekeluargaan dicirikan oleh set-set jangkaan, kepercayaan dan norma yang stabil tentang kehidupan berkeluarga. Set-set ini membekalkan model yang berguna kepada ahli-ahli keluarga, memberikan kepada ahli keluarga garis panduan tentang cara untuk bertingkah laku terhadap satu sama lain dan bagaimana untuk mentafsirkan tingkah laku ahli-ahli keluarga yang lain. Keluarga mempunyai model tentang bagaimana ibu bapa dan anak-anak berinteraksi dalam bentuk terma-terma pengawalan dan sokongan (Fitzpatrick & Ritchie, 1994).

Instrumen *Family Communication Pattern* (FCP) yang dibentuk oleh McLeod & Chaffee (1972) mengandaikan paradigma komunikasi keluarga berkisar dalam konteks dua dimensi yang dikenali sebagai orientasi sosial (*socio-orientation*) dan orientasi konsep (*concept orientation*). Dimensi orientasi kepatuhan (dulu dikenali sebagai orientasi sosial) merujuk kepada kuasa ibu bapa untuk memaksa kepatuhan anak-anak. Sistem kekeluargaan yang mementingkan orientasi konfirmati adalah berasaskan autoriti dan kawalan ibu bapa. Orientasi perbualan (sebelum ini dikenali sebagai orientasi konsep) merujuk kepada galakan keluarga terhadap keterbukaan dalam saling bertukar idea dan perasaan, lebih kohesif, sokongan dan mengutamakan peluang interaksi ibu bapa dan anak. Kedua-dua bentuk komunikasi ini dikatakan mendatangkan kesan yang berbeza terhadap tingkah laku anak-anak.

Manakala bagi komunikasi institusi pula, komunikasi dalam konteks pembelajaran penting kerana kebolehan berkomunikasi seseorang pelajar mempunyai perkaitan dengan pencapaian objektif pembelajaran. Kegagalan pelajar dalam pembelajaran turut disebabkan perbezaan gaya komunikasi guru dengan para pelajar. Peranan komunikasi guru didapati meningkatkan kompetensi berkomunikasi pelajar dan salah faham komunikasi dapat ditangani. Komunikasi institusi yang efektif dapat menggerakkan pelajar untuk memahami kurikulum pembelajaran dan sekali gus membolehkan pelajar bertingkah laku seperti yang dikehendaki sepanjang proses pembelajaran.

Dickson (1982) berpendapat bahawa komunikasi institusi banyak membantu dalam pengayaan komunikasi para pelajar. Kelemahan komunikasi institusi dalam penyampaian mesej kepada para pelajar menyebabkan pelajar menghadapi halangan untuk terus meningkatkan kompetensi berkomunikasi. Selain itu, komunikasi institusi yang rendah turut menyebabkan para pelajar tidak dibantu dalam konteks menghadapi situasi komunikasi yang kompleks dengan rakan-rakan. Keadaan ini menyebabkan pelajar akan ketinggalan dari aspek pemahaman dan seterusnya akan mengalami kesukaran dalam pembelajaran serta pembentukan hubungan dengan institusi dan rakan sebaya.

Ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Richmond, McCroskey, Plax dan Kearney (2004), komunikasi institusi yang tidak bersifat selektif mendatangkan kesan terhadap para pelajar. Persekitaran tempat pembelajaran yang lebih kondusif akan wujud sekiranya tingkah laku dan komunikasi institusi efektif. Tingkah laku dan komunikasi institusi yang efektif adalah seperti sentiasa mengingatkan dan memanggil nama pelajar, boleh menggalakkan pelajar berkomunikasi, memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir sebelum menjawab soalan dan sekiranya pelajar tidak boleh memberikan jawapan, pemikiran pelajar berkenaan perlu dirangsang.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa masih terdapat berbagai perbincangan berhubungan dengan pengertian yang berkaitan dengan ESQ serta faktor-faktor yang menjadi antededan kepada pembolehubah berkenaan. Sehubungan itu, persoalan utama yang dibincangkan dalam artikel ini ialah adakah komunikasi keluarga dan komunikasi institusi merupakan antededan kepada ESQ seseorang pelajar atau dalam ertikata lain adakah terdapat hubungan antara komunikasi keluarga dan komunikasi institusi dengan ESQ. Persoalan yang dikemukakan seterusnya ialah adakah terdapat perbezaan dari segi ESQ bagi responden yang berbeza jantina dan umur dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan polar komunikasi (keluarga dan institusi). Lantaran itu, objektif kajian ini adalah untuk :

- Menentukan tahap ESQ pelajar IPTA dan pelajar SBP.
- Menentukan korelasi antara polar komunikasi keluarga dan ESQ dalam kalangan pelajar IPTA dan pelajar SBP.
- Menentukan korelasi polar komunikasi institusi dan ESQ dalam kalangan pelajar IPTA dan pelajar SBP.
- Menentukan perbezaan ESQ dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina dan usia.

ULASAN LITERATUR

Tidak seperti *Emotional Quotient* (EQ) yang telah lama bertapak, *Spiritual Quotient* (SQ) hanya mula diperkenalkan seawal tahun 2000. Setakat ini tidak banyak kajian yang dijalankan berkenaan SQ dan sebahagian besar dijalankan di Amerika Syarikat. Kajian interdisiplin yang agak menonjol dalam memanfaatkan SQ ialah psikologi kaunseling, pendidikan, falsafah dan kognitif. Kajian-kajian yang cuba mengaitkan hubungan antara aspek-aspek komunikasi keluarga dan komunikasi institusi boleh dikatakan terlalu sedikit, apatah lagi dalam konteks Malaysia menyebabkan hasil kajian sebegini dapat memberikan sumbangan yang besar.

Gardner (1984) mendapati kecerdasan tidak sepatutnya diukur hanya dari sudut intelek kerana *Intelligence Quotient* (IQ) bukan kecerdasan tunggal yang dimiliki oleh manusia. Gardner (1984, 1993) sebaliknya mencadangkan tujuh kecerdasan pelbagai (*multiple intelligences*) yang terdiri daripada logik-matematik, linguistik, muzik, gerak badan, interpersonal dan intrapersonal ruang. Manakala EQ pula menurut Salovey dan Mayer (1990) ialah sejenis kecerdasan sosial berkaitan dengan keupayaan mengawasi emosi sendiri dan orang lain, membezakan antara emosi positif dengan emosi negatif dan menggunakan keupayaan ini untuk memandu seseorang berfikir serta bertindak.

Bowling (1998) dalam kajiannya mengenai SQ telah menguji lapan kecerdasan pelbagai (*multiple intelligences*) yang diperkenalkan oleh Gardner (1984, 1993) iaitu logik-matematik, linguistik, muzik, gerak badan, interpersonal, intrapersonal ruang dan keadaan semula jadi. Beliau telah menganalisis perkataan-perkataan terpilih daripada penulisan Yahudi dan Kristian sebagai asas untuk menghubungkan spiritual dengan kecerdasan melalui pembentukan dokumen Injil sebagai satu cara untuk memperkenalkan kajian saintifik di dalam aspek-aspek penting kognitif dan kaitannya dengan spiritual manusia. Kajian beliau mendapati kriteria Gardner (1984, 1993) dapat membantu memahami kewujudan kecerdasan spiritual.

Kritikan yang dikemukakan terhadap cara pengukuran IQ menyebabkan lahirnya EQ. Antara kritikan hebat terhadap IQ ialah kritikan yang diutarakan oleh Goleman (1995) yang menganggap kejayaan seseorang dalam hidupnya bukan hanya disumbangkan oleh IQ semata-mata. Hanya 20 peratus kejayaan hidup disumbangkan oleh IQ, manakala selebihnya oleh faktor lain. Goleman (1998) menegaskan IQ yang tinggi perlu diimbangi dengan EQ yang tinggi bagi mewujudkan keseimbangan. Beliau menyatakan bahawa EQ sebagai keupayaan mengenal pasti perasaan sendiri dan perasaan orang lain, untuk memotivasikan diri sendiri dan emosi dengan baik di dalam diri dan di dalam perhubungan.

Konsep EQ turut menerima kritikan hebat sehingga muncul pula SQ. Berdasarkan analisis selama beberapa tahun, Zohar dan Marshall mengkritik kecerdasan EQ dan mencadangkan SQ. Menurut Zohar dan Marshall (2000), SQ ialah kecerdasan yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan makna dan nilai, kecerdasan yang boleh kita letakkan tindakan dan hidup menjadi lebih luas, kaya dan bermakna, kecerdasan yang kita capai sebahagian atau keseluruhan tindakan kita dengan lebih bermakna daripada yang lainnya. Menurut mereka lagi, SQ merangkumi ciri-ciri

kesedaran diri, idealisme, keupayaan menghadapi dan meninstitutionkan kesukaran, bersikap terbuka, menggalakkan kepelbagaian, ketabahan, kecenderungan untuk bertanya "kenapa", keupayaan untuk merangka semula dan responsif. Mereka menganggap SQ lebih lengkap berbanding dengan EQ. EQ hanya berasaskan kepada perkembangan psikologi dan neurologi yang mengkaji hakikat dan kedudukan emosi di dalam otak manusia serta peranan dan kesannya di dalam kehidupan manusia. Akan tetapi, SQ lebih luas kerana selain daripada berasaskan emosi itu sendiri, SQ juga turut berasaskan kepada sosio dan spiritual manusia. Mereka berpendapat kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value*, iaitu kecerdasan untuk menempatkan perilaku dan hidup kita dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan hidup seseorang lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain. SQ adalah landasan yang diperlukan untuk mengfungsikan IQ dan EQ secara efektif. SQ merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian.

Dalam konteks spiritual Islam, Agustian (2001) telah memperkenalkan istilah ESQ di dalam tulisan beliau *Emotional Spiritual Quotient (ESQ)*. Beliau menggabungkan lima rukun Islam bersama dengan enam rukun iman sebagai elemen pengukuran tahap ESQ. ESQ juga merupakan rangkuman emosi-sosio-spiritual yang bukan hanya menjadikan seseorang itu berupaya untuk mengenali emosi sendiri dan berupaya membuat keputusan yang bijak, tetapi juga berupaya menguasai tiga domain utama lain iaitu (Sohaimi 2004):

1. Memotivasikan emosi negatif melalui pengetahuan dan kemahiran spiritual seperti bersabar dengan ujian hidup, berkeyakinan bahawa setiap usaha ada ganjarannya, yakin dengan kebolehan diri, berserah kepada Tuhan setelah berusaha dan berdoa memohon bantuan-Nya.
2. Mengenali emosi orang lain berasaskan prinsip ajaran agama atau nilai yang dikongsi bersama seperti berkebolehan menghormati kepercayaan dan pandangan orang lain, menjaga perasaan orang lain, memahami latar belakang orang lain dan tidak mengganggu hak orang lain.
3. Mengendali hubungan dengan orang lain melalui ajaran agama atau nilai yang dikongsi bersama seperti berkemampuan memelihara dan mengekalkan hubungan sedia ada serta berkebolehan mewujudkan jalinan hubungan baru dengan orang lain.

Dari segi ESQ pula dalam bidang pendidikan, Kates dan Maria (2002) telah mengkaji hubungan di antara SQ dengan kesedaran kreativiti pendidik. Kajian yang menggunakan penceritaan sebagai kaedah pengumpulan data menghuraikan hasil kerja tiga orang pendidik yang telah membentuk model aktiviti kreatif bagi mewujudkan kesedaran transpersonal dan spiritual. Kates dan Maria meneliti perkaitan antara kreativiti dan kepintaran spiritual menggunakan kaedah analisis naratif. Responden yang terlibat ialah tiga orang pendidik yang telah mencipta model aktiviti kreatif menggunakan kesedaran spiritual dan transpersonal. Prinsip mengambil berat dan *authenticity* diamalkan melalui kesepaduan sendiri. Mereka mengamalkan keseimbangan dalaman termasuklah kepintaran emosi, intuisi, imaginasi dan kualiti sendiri.

Secara keseluruhannya, hasil kajian tentang IQ, EQ dan ESQ menunjukkan kepentingan ketiga-tiga elemen terhadap kehidupan seseorang. Pemboleh ubah berkenaan tidak hanya menyumbang kepada kejayaan dalam pendidikan tetapi juga dalam aspek kerjaya dan kehidupan. Kajian-kajian lepas masih belum memeroka sepenuhnya faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan ESQ. Antaranya ialah faktor komunikasi keluarga dan komunikasi institusi. Lantaran ini, adalah penting bagi kita untuk memahami pula tentang komunikasi keluarga dan komunikasi institusi dalam konteks kehidupan seseorang.

Berkaitan dengan komunikasi keluarga, Hortacsu (1989) menjalankan kajian bertujuan untuk meneliti komunikasi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di Turki. Hasil kajian menunjukkan rakan sama jantina dan ibu merupakan individu yang sering menjadi teman komunikasi responden. Kedua, peratus pelajar yang menyatakan bahawa rakan adalah teman

berkomunikasi adalah tinggi berbanding peratus pelajar yang menyatakan ibu bapa sebagai teman berkomunikasi selaras dengan peningkatan umur. Ketiga, ibu lebih sering dinamakan sebagai rakan berkomunikasi berbanding dengan bapa bagi kedua-dua jantina. Keempat, responden perempuan lebih memilih ibu sebagai rakan berkomunikasi berbanding dengan responden lelaki.

Barnes dan Farrell (1992) turut mendapati suasana atau persekitaran keluarga memainkan peranan penting. Jika tiada pengawalan dilakukan ke atas remaja, remaja akan merasa terasing, agresif, salah laku dan gagal dalam akademik. Kajian turut mendapati bahawa mesej yang ingin disampaikan oleh ibu bapa akan memberi kesan yang berbeza pada penerimaan anak-anak bergantung kepada jantina kanak-kanak. Anak lelaki didapati lebih dipengaruhi oleh mesej atau komunikasi secara kawalan manakala anak perempuan lebih dipengaruhi oleh mesej sokongan. Tahap penerimaan yang berbeza menyebabkan wujud kecenderungan yang berbeza pada perlakuan devian di kalangan remaja lelaki dan remaja perempuan (Barnes & Farrell, 1992; Fitzpatrick & Marshall, 1996).

Kajian oleh Amato (1993) tentang hubungan ibu bapa dan anak remaja serta psikologi remaja pada peringkat awal dewasa mendapati wujud perbezaan yang signifikan di antara hubungan ibu bapa dengan anak remaja dan juga tekanan psikologi yang dialami oleh remaja. Remaja yang mempunyai hubungan rapat dengan ibu bapa akan merasa gembira, mengalami kepuasan hidup dan tiada tekanan. Seterusnya Jory, Rainbolt, Karms, Freeborn dan Greer (1996) menganalisis kesan gender terhadap pola komunikasi dan mendapati keluarga yang mempunyai anak lelaki lebih banyak memberikan alasan dalam berkomunikasi berbanding keluarga yang mempunyai anak perempuan. Gender juga didapati mempengaruhi komunikasi antara ibu bapa dan anak terutamanya ibu.

Kajian-kajian berkaitan dengan komunikasi keluarga dan kesannya juga menarik minat ramai pengkaji. Clark dan Shields (1997) mendapati bahawa komunikasi keluarga yang berbentuk terbuka akan menyebabkan remaja kurang berkecenderungan untuk melakukan tingkah laku delinkuen berbanding komunikasi secara tertutup. Kajian Clark dan Shield juga mendapati terdapat perbezaan dari segi demografi seperti umur, jantina dan struktur keluarga dengan kecenderungan untuk melakukan tingkah laku devian.

Kelly, Keaten, Finch, Duarte, Hoffman dan Michels (2002) meneroka hubungan antara pola komunikasi keluarga dan pengelakan untuk memperkatakan sesuatu yang berkaitan dengan perasaan. Hasil kajian menunjukkan peserta-peserta yang bersikap menyembunyikan perasaan mereka melaporkan skor yang rendah terhadap dimensi orientasi perbualan. Analisis juga menunjukkan keluarga yang mempunyai orientasi perbualan yang rendah kurang berkomunikasi tentang apa yang difikirkan, perkara-perkara yang berlaku setiap hari dan rancangan serta harapan masa depan.

Koestan dan Anderson (2004) mendapati pengaruh pola komunikasi keluarga berorientasi sosial merupakan peramal yang signifikan tahap kompleksiti kognitif yang rendah. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pola komunikasi keluarga dengan persepsi terhadap kompetensi berkomunikasi secara interpersonal. Analisis regresi multipel menunjukkan pola komunikasi keluarga berorientasikan konsep merupakan peramal yang signifikan kepada pembinaan kompetensi interpersonal berkesan.

Dalam konteks perhubungan dengan keluarga, kajian-kajian lepas jelas membuktikan bahawa keluarga berperanan penting dalam membantu remaja. Namun begitu, perhubungan dengan agen-agen dalam sesebuah institusi seperti guru/pensyarah adalah penting. Kajian oleh Hite (1985) mendapati perbezaan tahap interaksi lebih menyebelahi pelajar-pelajar lelaki. Menurut Kram (1985) pula, kurangnya interaksi antara pelajar wanita dan pensyarah lelaki dalam persekitaran tidak formal kerana bimbang khabar-khabar angin. Kram turut mendapati bahawa pelajar wanita merasakan mereka paling kurang dihormati oleh pensyarah lelaki dan merupakan kesan dari didikan yang berkaitan dengan perbezaan peranan lelaki dan wanita yang mana lelaki dianggap lebih dominan. Manakala wanita lebih berperanan sebagai subordinat lantaran persepsi tentang ketidakmampuan, ketidakberkesanan dan kurang dihormati. Menurut Kram (1985) lagi, pasangan yang sama gender merasa lebih mudah berinteraksi dan saling membantu kerana nilai-nilai profesionalisme dan dilema peribadi yang sama.

Nussbaum (1991) telah mengkaji mengenai komunikasi, bahasa dan juga institusi yang berkaitan dengan remaja. Aspek penting yang ditekankan oleh Nussbaum dalam kajian beliau

ialah interaksi dan perhubungan antara individu dalam merealisasikan kepuasan kehidupan remaja. Di samping itu, kajian ini turut melihat bagaimana berkesannya sesebuah institusi menerapkan nilai-nilai perhubungan sesama individu serta perhubungan antara pihak institusi dengan remaja. Nussbaum telah membuat analisis mengenai tahap keberkesanan interaksi sesebuah institusi dan telah mengenal pasti tiga tahap untuk menganalisis keberkesanannya. Perkara utama yang dilihat oleh Nussbaum ialah institusi itu sendiri. Kebanyakan institusi yang ada telah mengabaikan kepentingan komunikasi. Ini menyebabkan ramai penghuni di institusi mengalami tekanan dari segi emosi dan kebanyakan daripada remaja tidak mempunyai fikiran terbuka serta tidak mempedulikan apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Hasil kajian oleh Wentzel (1997) mendapati institusi yang dianggap penyayang (*caring*) ialah institusi-institusi yang menunjukkan komitmen terhadap pengajaran, mengenali keperluan dan kekuatan akademik pelajar dan gaya interaksi yang demokratik. Murdock (1999) turut mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar yang tinggi mempunyai hubungan dengan persepsi bahawa pensyarah-pensyarah berlaku adil terhadap mereka di dalam bilik kuliah dan meletakkan harapan yang tinggi terhadap pelajar. Hubungan positif antara pensyarah-pelajar tidak hanya dicirikan oleh hubungan baik tetapi komunikasi yang jelas bahawa nilai yang tinggi diletakkan kepada pembelajaran dan kejayaan pelajar.

Lantaran itu, dalam konteks pendidikan, komunikasi institusi-pelajar turut memainkan peranan yang penting. Institusi mengkomunikasikan nilai-nilai berkaitan dengan pembelajaran dan harapan mereka terhadap kejayaan para pelajar secara langsung atau tidak langsung seperti penggredan, penetapan matlamat dan memberi maklum balas. Secara tidak langsung, kepelbagaian bentuk hubungan antara pelajar-institusi adalah merupakan peramal kepada motivasi dan penyesuaian di sekolah (Murdock, Anderman & Hodge, 2000).

Di Malaysia, hasil kajian oleh Najib dan rakan-rakan (2006) tentang kecerdasan emosi dan kompetensi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mendapati secara umumnya, pelajar-pelajar di IPTA masih berada di tahap yang tidak memuaskan dari segi kecerdasan emosi, kompetensi berkomunikasi, kompetensi berbahasa Inggeris dan kompetensi teknologi maklumat. Analisis perbezaan mengikut faktor demografi pula menunjukkan hasil yang pelbagai misalnya perbezaan aspek kompetensi-kompetensi berkenaan adalah signifikan berdasarkan IPTA dan juga latar belakang responden.

Sebagai rumusan, kajian-kajian berkaitan dengan ESQ menunjukkan masih terdapat berbagai aspek yang belum diterokai berkaitan dengan pembolehubah berkenaan. Kajian-kajian lepas turut menunjukkan kepentingan komunikasi keluarga dan komunikasi institusi serta implikasi daripada pengamalan komunikasi berkenaan. Lantaran itu, meneliti persoalan yang berkaitan dengan hubungan antara komunikasi keluarga dan komunikasi institusi dengan ESQ dapat memberikan lagi sumbangan dalam memahami hubungan antara pemboleh ubah pembolehubah berkenaan serta menambahkan lagi penemuan-penemuan akademik dalam memperkembangkan bidang komunikasi dalam konteks Malaysia.

REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan keratan rentas. Kaedah kuantitatif dipilih kerana kelebihanannya iaitu dapat menjimatkan masa dan kos lantaran data dapat dikumpulkan dalam masa yang singkat dengan jumlah responden yang ramai (Sekaran, 2004). Pemilihan rekabentuk kajian ini selaras dengan matlamat kajian iaitu mengkaji hubungan antara pembolehubah. Data dikumpulkan melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden.

POPULASI DAN PENSAMPELAN

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar SBP dan pelajar IPT di utara Semenanjung Malaysia. Salah satu daripada kriteria pemilihan responden ini ialah kejayaan mereka dalam bidang akademik. Bagi pelajar SBP, prestasi akademik mereka telah melayakkan mereka ditempatkan di institusi pendidikan yang hanya sebilangan pelajar yang mempunyai kriteria

kecemerlangan tertentu sahaja boleh memasukinya. Begitu juga bagi pelajar IPT yang juga boleh dikatakan telah berjaya dari segi pencapaian akademik. Salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada prestasi akademik mereka ialah responden berkemungkinan mempunyai tahap ESQ yang telah stabil. Ini merupakan antara kriteria mereka dipilih sebagai responden kajian.

Teknik pensampelan yang digunakan ialah sampel rawak berstratifikasi iaitu pemilihan responden dilakukan mengikut stratifikasi. Justifikasi kepada pemilihan kaedah ini ialah berdasarkan kepada kerangka pensampelan yang jelas diperolehi daripada sumber-sumber yang ada iaitu pecahan responden berdasarkan kepada kategori jantina. Di samping itu, pemilihan kaedah ini diaplikasikan kerana ia merupakan salah satu kaedah yang bersesuaian (Baxter & Babbie, 2006) dengan matlamat kajian. Pemilihan sampel dilakukan melalui kerangka pensampelan yang berupa maklumat lengkap telah didapati institusi-institusi berkenaan.

Pelajar SBP yang dipilih terdiri dari pelajar tingkatan 1, 2 dan 4 selaras dengan syarat Kementerian Pelajaran untuk tidak menjalankan kajian dalam kalangan pelajar yang menduduki peperiksaan. Tiga kelas dari tiap-tiap tingkatan 1, 2 dan 4 dipilih atas kerjasama pengetua, guru kaunseling dan guru tingkatan bagi setiap sekolah yang terpilih. Jumlah populasi bagi pelajar di SBP terpilih ialah lebih kurang 1208 orang dan jumlah responden yang sesuai ialah 291 orang (Sekaran, 2004). Pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada 700 orang sampel dan 699 borang soal selidik diperolehi kembali menjadikan kadar pulangan hampir 99%.

Pelajar IPT yang dipilih adalah pelajar yang berada dalam semester 3 hingga semester 8 yang mengikuti program komunikasi. Secara keseluruhannya, populasi bagi pelajar IPTA ialah seramai 1600 orang pelajar selaku populasi kajian. Menurut pandangan Sekaran (2004) berdasarkan kepada bilangan populasi, jumlah responden yang perlu diperolehi adalah seramai 310 orang. Bagi mencapai matlamat memperolehi bilangan sampel yang mencukupi, sejumlah 800 soal selidik telah diedarkan kepada populasi pelajar IPT dan pulangan yang didapati ialah 434 buah soalselidik. Ini menjadikan kadar pulangan adalah sebanyak 54 peratus. Setelah diteliti, hanya 404 soal selidik yang lengkap dan boleh dianalisis.

INSTRUMEN KAJIAN

Kecerdasan Emosi dan Spiritual (ESQ)

Tahap ESQ diukur melalui pembentukan instrumen yang dicadangkan oleh Agustian (2001) berdasarkan kepada enam Rukun Iman dan lima Rukun Islam (Adakah semua responden beragama Islam? - ya. Kesemua responden beragama Islam). Soal selidik ini menggunakan skala lima pilihan jawapan iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Bahagian ini mengandungi 99 soalan. Julat skor bagi jawapan ialah 99 minimum dan maksimum ialah 495. Semakin baik skor, semakin baik tahap kecerdasan emosi seseorang (Agustian, 2001). Nilai Alfa Cronbach bagi instrumen ini ialah .96 yang bererti instrumen ini boleh diguna pakai dalam konteks kajian ini.

Komunikasi Keluarga dan Komunikasi Institusi

Bagi mengukur komunikasi keluarga dan komunikasi institusi, instrumen *Revised Family Communication Pattern (RFCP)* yang dikemukakan oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990) digunakan. Komunikasi institusi juga diukur menggunakan RFCP, cuma istilah 'ibu bapa' digantikan dengan perkataan 'guru/pensyarah'. Skala yang digunakan adalah skala lima pilihan iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Nilai alfa Cronbach yang dilaporkan bagi instrumen ini ialah .84 dan .76 (Ritchie & Fitzpatrick, 1990). Instrumen bahagian ini mengandungi 24 soalan. Skor yang terendah bagi jawapan setiap instrumen ialah 24 dan skor yang tertinggi ialah 120.

Instrumen ini terbahagi kepada dua dimensi iaitu dimensi yang berorientasikan konsep dan dimensi berorientasikan sosial. Nilai Alfa bagi instrumen komunikasi keluarga ialah .86 yang

menunjukkan tahap kebolehppercayaan yang memuaskan dan instrumen ini boleh diguna pakai. Nilai Alfa bagi instrumen komunikasi institusi secara keseluruhan ialah .88 yang menunjukkan tahap kebolehppercayaan yang memuaskan. Manakala nilai alfa berdasarkan pecahan dimensi pula ialah .75 bagi dimensi orientasi sosial dan .70 bagi dimensi orientasi konsep yang turut menggambarkan instrumen ini boleh diterima pakai bagi tujuan kajian.

Tata Cara Pengedaran Soal Selidik

Bagi responden di IPT, soal selidik diedarkan terus kepada responden dan responden menjawab sendiri tanpa bantuan penyelidik. Bagi responden di SBP pula, penyelidik telah memohon kebenaran dari Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri yang terlibat. Seterusnya, penyelidik telah mengadakan perbincangan dengan Pengetua Sekolah tentang tata cara pengedaran soal selidik. Pengedaran borang soal selidik dilakukan secara terus oleh pengkaji kepada responden. Pengkaji hanya menjelaskan istilah-istilah yang sukar difahami oleh responden sekiranya diperlukan. Ini bagi memastikan bahawa tidak ada unsur-unsur bias terhadap tafsiran soalan dan maklumat yang diberikan oleh responden.

Analisis Data

Bagi tujuan analisis data, analisis deskriptif berdasarkan min skor dan sisihan piawai digunakan bagi menggambarkan skor responden berkaitan dengan tahap ESQ mereka. Analisis korelasi digunakan untuk meneliti hubungan antara pembolehubah komunikasi organisasi dan komunikasi institusi dengan ESQ. Bagi mengkaji perbezaan tahap ESQ dari segi gender, ujian-t digunakan dan perbezaan tahap ESQ bagi responden yang berbeza kategori umur diuji melalui penggunaan ujian ANOVA Sehalu.

HASIL KAJIAN

Responden Kajian

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden. Dari segi analisis secara majoriti, responden di IPT adalah rata-ratanya perempuan, mempunyai bilangan adik beradik 3-4 orang, bapa mereka bekerja iaitu sama ada bekerja sendiri atau bekerja dengan kerajaan dan ibu mereka adalah suri rumah. Manakala bagi pelajar SBP pula, jumlah pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama, majoriti mempunyai bilangan adik beradik 3-4 orang, bapa mereka bekerja dan ibu pula merupakan suri rumah.

Jadual 1. Taburan demografi

Demografi	Pelajar IPT		Pelajar SBP	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Jantina				
Lelaki	45	11.1	369	52.8
Perempuan	359	88.9	330	47.2
Bilangan Adik Beradik				
1-2 orang	28	6.9		
3-4 orang	104	25.7	59	8.4
5-6 orang	134	33.2	336	48.1
7-8 orang	79	19.6	224	32.0
lebih 8 orang	59	14.6	63	9.0
			17	2.4

Umur				
Kurang dari 16 tahun	-	-	690	98.7
17-18 tahun	-	-	9	1.3
19-21 tahun	191	47.3	-	-
lebih 21 tahun	213	52.7	-	-
Pekerjaan Bapa:				
Bekerja sendiri	112	27.7	146	20.9
Bekerja dengan kerajaan	97	24.0	340	48.6
Bekerja dengan swasta	53	13.1	111	15.9
Petani	91	22.5	77	11.0
Tiada pekerjaan	29	7.2	20	2.9
Meninggal dunia	21	5.2	-	-
Pekerjaan Ibu:				
Bekerja sendiri	64	15.8	39	5.6
Bekerja dengan kerajaan	45	11.1	247	35.3
Bekerja dengan swasta	18	4.5	33	4.7
Petani	15	3.7	9	1.3
Tiada pekerjaan	239	59.2	371	53.1
Meninggal dunia	23	5.7	-	-
Status Perkahwinan Bapa & Ibu:				
Bersama	364	90.1		
Berpisah/Bercerai	40	9.9	672	96.1
Lain-lain	-	-	21	3.0
			6	0.9
Jumlah	404	100.0	699	100.0

Tahap ESQ Pelajar IPTA dan SBP

Analisis deskriptif dilakukan bagi memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang tahap ESQ secara keseluruhannya. Hasil analisis mendapati terdapat beberapa item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu 'saya selalu membayangkan masa depan', 'saya mengasihi diri sendiri dan orang lain', 'saya menyanjungi orang yang adil', 'saya selalu memberikan bantuan yang termampu oleh saya', 'saya selalu menjaga dan memelihara diri saya', 'saya bersikap selalu menyayangi diri sendiri dan orang lain', 'saya selalu memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang penting', 'saya pengasih kepada orang yang susah', 'saya boleh berdikari', 'saya seorang yang bersimpati pada orang lain', 'saya selalu berterima kasih kepada orang lain', 'saya selalu berusaha meningkatkan kekuatan rohani dan jasmani saya', 'saya suka dihormati', 'saya hidup sejahtera', 'saya mementingkan peninstitusian diri', 'saya suka melakukan kebaikan', 'saya selalu membela yang benar', 'saya selalu memerhatikan orang lain', 'saya suka mendengar masalah orang lain', 'saya selalu berusaha untuk memenuhi kehendak diri sendiri dan orang lain' dan 'saya pemaaf' (Jadual 2).

Item-item yang mendapat min skor yang terendah ialah 'saya memiliki apa yang tidak dimiliki oleh orang lain', 'saya bersikap selalu menjadi orang pertama', 'saya menjadi orang no.1 dalam kelompok saya', 'saya selalu menonjolkan sifat fizikal saya', 'saya berjaya dalam segala bidang', 'saya mempunyai kemewahan harta dan keperibadian', 'saya seorang yang hebat dalam semua bidang', 'saya orang yang pertama memulakan sesuatu perkara', 'saya tidak pernah menimbulkan masalah kepada orang lain', 'saya seorang yang terbaik dalam segala-galanya', 'saya selalu mencatatkan semua aktiviti saya' dan 'saya bersikap selalu menjadi orang terakhir' (Jadual 2).

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden lebih mengutamakan sifat-sifat mengasihi, membantu orang lain, berusaha memenuhi kehendak semua orang dan mengelakkan sikap-sikap negatif yang dapat menimbulkan masalah kepada orang lain. Dapatan kajian ini juga dapat memberikan gambaran bahawa item-item yang digunakan untuk mengukur ESQ dikalangan pelajar berkenaan dapat memberikan gambaran dalam konteks kehidupan mereka seharian.

Jadual 2. Item ESQ

Item ESQ	Min	Sisihan Piawai
Saya selalu membayangkan masa depan.	4.50	.665
Saya mengasihi diri sendiri dan orang lain	4.47	.700
Saya menyanjung orang yang adil.	4.38	.706
Saya selalu memberikan bantuan yang termampu oleh saya	4.24	.614
Saya selalu menjaga dan memelihara diri saya.	4.22	.724
Saya bersikap selalu menyayangi diri sendiri dan orang lain	4.21	.806
Saya selalu memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang penting.	4.20	.786
Saya pengasih kepada orang yang susah.	4.20	.775
Saya boleh berdikari.	4.19	.771
Saya seorang yang bersimpati pada orang lain.	4.15	.713
Saya selalu berterima kasih kepada orang lain	4.14	.678
Saya selalu berusaha meningkatkan kekuatan rohani dan jasmani saya	4.12	.779
Saya suka dihormati.	4.12	.902
Saya hidup sejahtera.	4.11	.840
Saya mementingkan peninstitusian diri.	4.10	.828
Saya suka melakukan kebaikan.	4.08	.757
Saya selalu membela yang benar.	4.07	.791
Saya selalu memperhatikan orang lain.	4.04	.902
Saya suka mendengar masalah orang lain.	4.02	.824
Saya selalu berusaha untuk memenuhi kehendak diri sendiri dan orang lain.	4.02	.750
Saya pemaaf.	4.00	.939
Saya selalu bekerjasama.	3.96	.834
Saya selalu mengekalkan sifat baik dalam diri saya.	3.94	.846
Saya memiliki kekuatan dan semangat yang tinggi.	3.93	.865
Saya seorang yang berwawasan.	3.93	.758
Saya boleh meninggalkan sesuatu yang baik untuk dkenang.	3.91	.920
Saya boleh memberi teguran kepada orang lain.	3.89	.843
Saya dapat menerima kesilapan orang lain.	3.83	.842

Item ESQ	Min	Sisihan Piawai
Saya tidak menghormati orang yang tidak adil.	3.82	1.205
Saya memahami perasaan orang lain.	3.82	.795
Saya selalu mencegah sesuatu yang buruk.	3.81	.855
Saya selalu indah, rapi dan bersih.	3.80	.914
Saya ikhlas dalam berfikir dan bertindak.	3.81	.821
Saya menamatkan sesuatu perkara yang buruk demi keadilan.	3.81	.919
Saya selalu mengawasi pergerakan saya.	3.81	.833
Saya melakukan sesuatu yang baru	3.79	.853
Saya selalu berhati-hati.	3.77	.774
Saya boleh mengawal diri sendiri.	3.73	.830
Saya selalu mengembalikan sesuatu yang dimiliki oleh orang lain.	3.73	1.036
Saya melihat sesuatu perkara dengan teliti.	3.70	.858
Saya selalu menggembirakan orang lain.	3.69	.799
Saya akan memberikan apa yang saya miliki kepada orang yang memerlukan.	3.69	.911
Saya berpendirian teguh.	3.69	.861
Saya selalu menghidupkan semangat orang lain.	3.66	.891

Saya membantu orang lain menjadi baik	3.66	.833
Saya mempunyai pengaruh untuk mengajak orang lain ke arah kebaikan.	3.64	.782
Saya selalu bersikap lembut kepada orang lain dan boleh merasakan perasaan orang lain.	3.64	.894
Saya selalu menjadi orang yang suka membimbing.	3.62	.888
Saya bersikap suka mendidik orang lain.	3.60	.860
Saya selalu membangkitkan motivasi orang lain.	3.59	.884
Saya boleh membawa manfaat kepada orang lain.	3.58	.853
Saya selalu memberi ilham kepada orang lain.	3.58	.859
Saya selalu menghalang orang lain daripada berfikiran jahat.	3.56	.910
Saya selalu menegur kesilapan orang lain.	3.53	.893
Saya membela orang yang dizalimi.	3.52	1.000
Saya selalu mencetuskan idea yang baru.	3.50	.841
Saya mampu melindungi diri saya daripada sebarang keburukan.	3.49	1.038
Saya seorang yang teliti.	3.48	.837
Saya penyabar dan tidak tergesa-gesa.	3.48	1.058
Saya memiliki ketinggian peribadi.	3.45	.869
Saya selalu membantu orang lain agar memiliki kemampuan fizikal dan spiritual.	3.44	.910
Saya memiliki kemampuan fizikal dan spiritual yang mencukupi.	3.43	.928
Saya memiliki peribadi yang luhur.	3.43	.779
Saya adil dalam menghukum sesuatu.	3.42	.905
Saya bersopan santun dan berhati mulia.	3.42	.794
Saya selalu bersikap adil.	3.40	.705
Saya selalu menunaikan hasrat orang lain.	3.40	.884
Saya seorang yang kreatif	3.39	.899
Saya seorang yang bijaksana.	3.39	.804
Saya boleh melupakan keburukan orang lain.	3.39	1.050
Saya boleh mengawal diri saya dan semua keadaan.	3.35	.907
Item ESQ	Min	Sisihan Piawai
Saya selalu bersifat bijak.	3.35	.758
Saya seorang yang dermawan.	3.34	.833
Saya disukai oleh orang lain.	3.30	.663
Saya selalu pandai dan cerdas.	3.30	.868
Saya selalu memenuhi keinginan orang lain.	3.28	.916
Saya selalu menyembunyikan keburukan diri saya.	3.28	1.060
Saya selalu membelanja orang lain.	3.27	.915
Saya selalu diperlukan oleh orang lain.	3.26	.868
Saya seorang yang luas pengetahuan.	3.25	.762
Saya selalu dihormati.	3.23	.683
Saya menggunakan pendekatan yang sama untuk menyelesaikan masalah.	3.20	1.009
Saya memberikan "kehidupan" kepada orang lain.	3.18	.930
Saya memiliki kuasa yang mutlak untuk membuat keputusan.	3.13	1.095
Saya selalu bersikap terpuji.	3.12	.860
Saya memiliki kekuatan untuk mempengaruhi orang lain.	3.09	.883
Saya selalu membuat keputusan yang tepat.	3.06	.741
Saya memiliki apa yang tidak dimiliki oleh orang lain.	2.98	1.010
Saya bersikap selalu menjadi orang pertama.	2.98	.989
Saya menjadi orang no.1 dalam kelompok saya.	2.91	1.007
Saya selalu menonjolkan sifat fizikal saya.	2.89	1.115
Saya berjaya dalam segala bidang.	2.89	.891
Saya mempunyai kemewahan harta dan keperibadian	2.77	1.094

Saya seorang yang hebat dalam semua bidang.	2.75	.821
Saya orang yang pertama memulakan sesuatu perkara.	2.69	1.007
Saya tidak pernah menimbulkan masalah kepada orang lain.	2.64	.929
Saya seorang yang terbaik dalam segala-galanya.	2.61	.937
Saya selalu mencatatkan semua aktiviti saya.	2.46	1.138
Saya bersikap selalu menjadi orang terakhir.	2.36	1.106

Korelasi antara Polar Komunikasi Keluarga dengan ESQ

Dari segi hubungan antara komunikasi keluarga dan ESQ dalam kalangan pelajar IPT, hasil ujian korelasi menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dan positif ($p < 0.01$) antara kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa komunikasi keluarga yang baik turut berhubungan dengan tahap ESQ pelajar-pelajar IPT. Bagi hubungan kedua-dua pemboleh ubah dalam kalangan pelajar SBP, wujud hubungan yang signifikan dan positif ($p < 0.01$) yang turut menunjukkan bahawa peningkatan dalam ESQ turut diseimbangkan oleh komunikasi keluarga (Jadual 3).

Jadual 3. Korelasi antara ESQ dengan komunikasi keluarga

Pemboleh ubah	Kategori responden		Komunikasi Keluarga
ESQ	Pelajar IPT	r	.449(**)
		p	.000
		n	404
	Pelajar SBP	r	.420(**)
		p	.000
		n	699

Korelasi antara Polar Komunikasi Institusi dengan ESQ

Dari segi hubungan komunikasi institusi dengan ESQ dalam kalangan pelajar IPT, analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif ($p < 0.01$) antara kedua-dua pemboleh ubah. (Jadual 4). Ini menunjukkan bahawa tahap ESQ pelajar berkenaan mempunyai hubungan dengan tahap komunikasi mereka dengan institusi/pensyarah. Bagi responden dalam kalangan pelajar SBP, hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif ($p < 0.01$) antara kedua pemboleh ubah. Ini turut menunjukkan bahawa semakin tinggi ESQ pelajar berkenaan maka semakin baik tahap komunikasi mereka dengan institusi/pensyarah.

Jadual 4. Korelasi antara ESQ dengan komunikasi institusi

Pemboleh ubah	Kategori Responden		Komunikasi Institusi
ESQ	Pelajar IPT	r	.296(**)
		p	.000
		n	404
	Pelajar SBP	r	.242(**)
		p	.000
		n	699

** $p < 0.01$

Perbezaan ESQ di Kalangan Pelajar yang Berlainan Jantina dan Usia

Hasil ujian-t menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan ($p > .05$) antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di IPT dari segi tahap ESQ mereka. Manakala bagi pelajar SBP pula, wujud perbezaan yang signifikan ($p < .05$) dari segi tahap ESQ di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan (Jadual 5). Nilai min menunjukkan tahap ESQ pelajar-pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Jadual 5. Perbezaan ESQ dari segi jantina

ESQ	Jantina	n	Min	Sisihan Piawai	t	Sig.
IPT	Lelaki	45	372.53	30.65	1.09	.27
	Perempuan	359	365.99	38.57		
SBP	Lelaki	369	343.06	32.85	-3.02	.00
	Perempuan	330	350.8	35.27		

Perbezaan ESQ dari Segi Umur

Perbezaan umur dikalangan responden di SBP ialah antara responden dalam kategori umur kurang dari 16 tahun dan 17-18 tahun, manakala bagi pelajar IPT pula ialah antara 19-21 tahun dan lebih 21 tahun. Hasil ujian ANOVA Sehalu dalam Jadual 6 menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan ($p < .05$) dari segi tahap ESQ bagi responden yang berbeza peringkat umur di IPT. Jadual 7 menunjukkan hasil analisis Pos-Hoc Schafée. Perbezaan tahap ESQ adalah antara pelajar yang berumur 19 hingga 21 tahun dengan pelajar yang berumur melebihi 21 tahun. Bagi pelajar SBP pula, hasil analisis menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap ESQ bagi responden yang berbeza peringkat umur.

Jadual 6. Perbezaan ESQ dari segi umur

ESQ		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
IPT	Antara kumpulan	18762.43	2	9381.21	6.75	.00
	Dalam kumpulan	556952.95	401	1388.91		
	Jumlah	575715.39	403			
SBP	Antara kumpulan	374.68	1	374.68	.32	.57
	Dalam kumpulan	816896.47	697	1172.01		
	Jumlah	817271.16	698			

Jadual 7. Analisis Post Hoc Schafée

(I) Umur	(J) Umur	Perbezaan Min (I-J)	d.Error	g.
19-21 tahun	lebih 21 tahun	-12.05 (*)	3.72	.00

*Perbezaan min pada paras .05

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau tahap ESQ di kalangan pelajar IPT dan SBP, meneliti hubungan antara komunikasi keluarga dan komunikasi institusi dengan ESQ serta mengkaji perbezaan tahap ESQ dari segi jantina dan umur. Bagi menjawab objektif pertama kajian, analisis deskriptif dilakukan. Hasil analisis deskriptif menunjukkan tahap ESQ yang tinggi dalam kalangan responden yang dikaji. Responden didapati menitikberatkan hubungan mereka dengan orang lain dan turut meletakkan hubungan dengan orang lain sebagai suatu keutamaan. Ini selaras dengan pandangan sarjana-sarjana lain bahawa elemen spiritual adalah penting. Pengukuran IQ dan EQ sahaja tidak memadai. Elemen-elemen lain juga perlu diambil kira dalam membincangkan tentang kecerdasan diri seseorang. Hasil kajian ini membuktikan pandangan oleh sarjana seperti Gardner (1984), Zohar dan Marshall (2000) dan Augustian (2001). Pandangan Augustian terutamanya berkaitan dengan kecerdasan emosi yang perlu dititikberatkan berlandaskan perspektif Islam merupakan suatu pandangan baru yang telah dibuktikan dalam kajian ini. Ini bererti kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual seseorang itu perlu bukan hanya mengambilkira aspek-aspek jasmaniah tetapi juga aspek-aspek rohaniah.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati semakin positif komunikasi yang diamalkan dalam sesebuah keluarga, semakin baik tahap ESQ responden berkenaan. Ini menunjukkan kepentingan polar komunikasi sesebuah keluarga. Komunikasi yang berlaku di antara ibu bapa dan anak-anak atau sesama ahli keluarga yang lain didapati menyumbang kepada ESQ seseorang anak. Dapatan kajian ini selaras dengan Clark dan Shields (1997), Barnes dan Farrell (1992) dan Amato (1993). Analisis berdasarkan kepada pecahan kategori responden menunjukkan hasil yang sama. Bagi responden dalam kalangan pelajar IPT dan pelajar SBP, hasil yang sama juga diperolehi iaitu komunikasi keluarga berhubungan secara positif dengan ESQ.

Sehubungan itu, kepentingan komunikasi keluarga jelas terbukti dalam konteks kajian ini. Dapatan berkaitan dengan kepentingan hubungan antara komunikasi sesebuah keluarga dan ESQ juga selaras dengan andaian Model Koorientasi Keluarga (*Family Coorientation Model*) yang diutarakan oleh McLeod dan Chaffee (1973) serta Model Persetujuan Koorientasi (*Coorientational Consensus*) yang dirangka oleh Scheff (1967). Polar komunikasi yang berbentuk terbuka dan sosial perlu diseimbangkan dan dititikberatkan oleh sesebuah keluarga kerana ia mendatangkan kesan terhadap anak-anak.

Dari segi hubungan antara komunikasi institusi dan ESQ, hasil kajian juga menunjukkan semakin baik komunikasi institusi semakin positif juga ESQ dalam kalangan responden yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa pola komunikasi sesama individu berinteraksi dengan pihak autoriti dalam sesebuah institusi berperanan dalam menyokong perkembangan ESQ seseorang seperti mampu menjadikan beliau seorang yang mempunyai keyakinan diri, mengasihi orang lain, menyanjungi orang yang adil dan sebagainya. Lantaran itu, peranan guru dan pensyarah tidak hanya dalam konteks melaksanakan fungsi pengajaran dan pembelajaran tetapi juga bentuk komunikasi yang diamalkan mempunyai perkaitan dengan kecerdasan spiritual seseorang pelajar. Guru dan pensyarah mampu menyokong perkembangan ESQ seseorang pelajar melalui peranan yang dimainkan oleh mereka. Ini selaras dengan pandangan Wentzel (1997) bahawa komunikasi institusi yang dianggap prihatin ialah komunikasi institusi yang menunjukkan komitmen terhadap pengajaran, mengenali keperluan, dan kekuatan akademik pelajar serta gaya interaksi yang demokratik.

Lantaran itu, kajian ini jelas membuktikan kepentingan komunikasi institusi-pelajar. Secara tidak langsung, kepelbagaian bentuk hubungan antara pelajar-institusi adalah merupakan peramal kepada motivasi dan penyesuaian di sekolah (Murdock, Anderman & Hodge, 2000) dan sekaligus dalam konteks kajian ini merupakan antedecedan kepada ESQ pelajar. Dapat ini juga jelas membuktikan hasil kajian Murdock (1999) yang mendapati hubungan positif antara pensyarah-pelajar tidak hanya dicirikan oleh hubungan baik tetapi komunikasi yang jelas bahawa nilai yang tinggi diletakkan kepada pembelajaran dan kejayaan pelajar seperti mana yang dibuktikan dalam kajian ini.

Analisis dari segi perbezaan menunjukkan bahawa tahap ESQ dalam kalangan pelajar-pelajar SBP adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. Tahap ESQ pelajar perempuan didapati

lebih tinggi. Hasil kajian ini mungkin boleh dilandaskan kepada perbezaan pola komunikasi berunsurkan perbualan bagi pelajar perempuan manakala pelajar lelaki lebih dipengaruhi oleh pola komunikasi berunsur kawalan. Namun begitu, bagi pelajar IPT, hasil analisis menunjukkan gender tidak memberi kesan terhadap tahap ESQ. Sebaliknya, perbezaan umur didapati mendatangkan kesan terhadap tahap ESQ. Perbezaan ini didapati bagi pelajar yang berumur 19 tahun hingga 21 tahun dengan 21 tahun ke atas. Dapatan ini mungkin boleh dijelaskan dengan perbezaan tahap kematangan responden berkenaan.

Dapatan kajian yang berkaitan dengan perbezaan gender ini selaras dengan hasil kajian Jory, Rainbolt, Karms, Freeborn dan Greer (1996) yang mendapati keluarga yang mempunyai anak lelaki lebih banyak memberikan alasan semasa berkomunikasi dan gender didapati mempengaruhi komunikasi antara ibu bapa dan anak terutamanya ibu. Ini diperkukuhkan lagi oleh pandangan Kram (1985) iaitu interaksi lebih mudah berlaku bagi mereka yang sama gender. Sebaliknya, bagi pelajar IPT, umur didapati lebih berperanan dalam mendatangkan perbezaan. Kemungkinan hasil kajian ini dapat dilandaskan kepada perkaitan antara faktor umur dan tahap kematangan seseorang dalam berkomunikasi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah mencapai objektif yang digariskan. Hasil kajian ini telah memaparkan tentang analisis secara deskriptif item-item yang berkaitan dengan kecerdasan emosi sepertimana yang dikemukakan oleh Augustian (2001). Misalnya responden menitikberatkan masa depan mereka, mengasihi diri sendiri serta juga menyanjung orang lain. Di samping itu, item-item ESQ yang rendah tahap persetujuan telah dikenalpasti. Hasil kajian juga menunjukkan bahasa komunikasi keluarga dan komunikasi institusi berperanan selaku anjakan kepada ESQ. Korelasi antara pembolehubah berkenaan dibuktikan dalam kedua-dua konteks responden yang dikaji. Dari segi perbezaan pula, pelajar lelaki dan perempuan di SBP adalah berbeza dari segi tahap ESQ iaitu pelajar perempuan di dapati mempunyai ESQ yang lebih tinggi. Manakala bagi pelajar IPT pula, perbezaan dari segi ESQ adalah dari segi umur. Kajian akan datang perlu dilakukan untuk memahami secara lebih mendalam tentang bentuk dan peranan komunikasi keluarga dan komunikasi institusi dalam konteks kesannya terhadap tahap ESQ pelajar-pelajar.

RUJUKAN

- Agustian, A.G. (2001). *Kecerdasan Emosi Dan Spiritual: Rahsia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi Dan Spiritual*. Indonesia: Penerbit Arga
- Amato, P.R. (1993). "Children Adjustment To Divorce: Theories, Hypotheses And Empirical Support". *Journal Of Marriage And The Family*, 55, 23-39.
- Barnes, G. M., & Farrell, M. P. (1992). "Parental support and control as predictors of adolescent drinking, delinquency, and related problem behaviors". *Journal of Marriage and the Family*, 54, 763-776.
- Baxter, L. A., Babbie, E. (2006). *The Basic of Communication Research*. Australia: Thomson and Wadsworth.
- Bowling, J.L. (1998). "An Examination Of Spirituality Based On Howard Gardner's Theory Of Multiple Intelligences". Digital Ph.D Thesis, The Southern Baptist Theological Seminary. Retrieved 30 August 2004, From [Http://Wwwlib.Uni.Com.Esrv.Uum.Edu.My/Dissertations/Fullcit/9903139](http://www.lib.uni.com.esrv.uum.edu.my/Dissertations/Fullcit/9903139)
- Clark, R.D. & Shields, G. (1997). *Family Communication And Delinquency*. *Adolescence*, 30, 125, 81-92.
- Dickson, W.P. (1982). *Creating Communication-Rich Classroom: Insight From The Sociolinguistic And Referential Traditions*. In Wilkonson L.C (Peny). *Communicating In The Classroom*. Academic Press, Inc: New York.
- Fitzpatrick, M.A. & Marshall, L. J. (1996). "The effect of family communication environments on children's social behavior during middle childhood". *Communication Research*, 23(4), 379-407.
- Fitzpatrick, M.A. & Ritchie, L.D. (1994). "Communication Schemata Within The Family: Multiple Perspective On Family Interaction". *Human Communication Research*, 20, 275-301.
- Gardner, H. (1984). *Frames Of Mind: The Theories Of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Gardner, H. (1993). *Multiple Intelligences: The Theory In Practice*. New York: Basic Books.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1998). *Working With the Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Hite, L.M. (1985). "Female Doctoral Students: Their Perceptions And Concerns". *Journal Of College Student Personnel*, 26, 18-22.

- Hortacsu, N. (1989) "Target Of Communication During Adolescence". *Journal Of Adolescence*, 12, 253-263. Retrieved 30 August 2004, From <http://Wwwlib.Umi.Com.Eserv.Uum.Edu.My/Dissertations/Fullcit/3093074>
- Jory, B., Rainbolt, E., Karms T. J., Freeborn, A. & Greer, C.V. (1996). "Communication Patterns And Alliances Between Parents And Adolescent During Structured Problem Solving Task". *Journal Of Adolescence*, 19, 339-346.
- Keenan, A. (1978). "The Selection Interview Candidates Reactions And Interviewers Judgements". *British Journal Of Social And Clinical Psychology*, 17, 201-209.
- Kelly, L., Keaton, J.A., Finch, C., Duarte, I.B., Hoffman, P., Michels., M.M (2002). Family Communication Patterns And The Development Of Reticence. *Communication Education*, 51, 2, 202-209.
- Koesten, J. & Anderson, K. (2004). "Exploring The Influence Of Family Communication Patterns, Cognitive Complexity, And Interpersonal Competence On Adolescent Risk Behaviors". *Journal Of Family Communication*, 4, 2, 99-122.
- Kram, K.K. (1985). *Mentoring At Work: Developmental Relationships In Organizational Life*. Genview, Il: Scott, Foresman And Company.
- McLeod, J.M. & Chaffee, S.H. (1972). The Construction Of Social Reality. In J. Tedeschi (Ed.), *The Social Influence Processes* (pp. 50-59). Chicago: Aldine:Atherton.
- Monthienvichienchai, C., Bhibulbhanuwat, S., Kasemsuk, C., & Speece, M. (2002). "Culture Awareness, Communication Apprehension And Communication Competence: A Case Study Of Saint John's International School". *Journal Of Education Management*, 16, 6, 288-296.
- Murdock, T.B. (1999). "The Social Context Of Risk: Social And Motivational Predictors Of Alienation In Middle-School". *Journal Of Educational Psychology*, 91,1-14.
- Murdock, T.B., Anderman, C.H. & Hodge, S.H. (2000). "Middle-Grade Prediators Of Students Motivation Behavior In High School". *Journal Of Adolescent Research*, 327-342.
- Najib Ahmad Marzuki, Che Su Mustaffa, Zarina Mat Saad, Suhanim Abdullah, Suhaini Muda & Wan Bee Che Din. "Kecerdasan Emosi dan Kompetensi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam". Laporan Penyelidikan Tidak Diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Nussbaum, J. F. (1991). Communication, Language And The Institutionalized Elderly. *Ageing And Society*, 11, 149-165.
- Richmond, V.P., McCroskey, J.C., Plax, T.G. & Kearney, P. (2004). Teacher Non Verbal Immediacy Training And Student Affect. Retrieved 30 August 2004, From <http://Www.Jamesmccroskey.Com/Publications/128.Htm>.
- Ritchie, L.D. & Fitzpatrick, M.A. (1990). "Family Communication Patterns: Measuring Intrapersonal Perception Of Interpersonal Relationships". *Communication Research*, 17, 523-544.
- Salovey, P. & Mayer, J.D. (1990). Emotional Intelligence In Imagination.Cognition And Personality, 9, 185-211.
- Sekaran, U. (2004). *Research Methods for Business* (3rd Edition). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2004). Gejala Sosial Akibat Gagal Imbang IQ dan EQ. Dalam Berita Harian, 9 Mac.
- Wentzel, K. (1997). "Student Motivation In Middle School: The Role Of Perceived Pedagogical Caring". *Journal Of Educational Psychology*, 89, 411-417.
- Zohar, D. & Marshall, I. (2000). *Spiritual Intelligence: The Ultimate Intelligence*. London: Bloomsbury.